

Pelajar IPT perlu berfikir dengan minda terbuka

UM 25 AUG 2012

SKUDAI 24 Ogos Pelajar IPT perlu memupuk keupayaan berfikir dengan minda yang terbuka dan bukannya mengamalkan budaya menghafal untuk lulus peperiksaan semata-mata, kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata, dengan itu mereka akan berkeupayaan menilai sesuatu sama ada yang baik atau buruk untuk masa depan negara.

“Selain mempelajari ilmu-ilmu tertentu yang diajar di universiti, kita juga perlu mempunyai kebolehan untuk memikir dan menilai sesuatu.

“Kalau ke universiti hanya untuk memastikan dapat jawab soalan-soalan (peperiksaan) yang kita sudah hafal bukannya betul, (itu) tak betul.

“Kalau kita jadi manusia yang buat penilaian secara robot maka pelajaran kita di universiti tidak mencukupi,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di hadapan lebih 2,000 mahasiswa dalam lawatannya ke Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini hari ini.

Menurut beliau, pelajar universiti

perlu memupuk minda dalam membuat penilaian mana yang baik dan buruk kepada mereka.

“Di universiti kita mesti bangunkan keupayaan berfikir, buka fikiran dan buat penilaian ikut asas budaya dan sistem nilai kita supaya kita tidak tolak yang baik dan terima yang buruk.

“Kalau kita lulus dan mempunyai keupayaan ini kita akan jadi rakyat Malaysia yang mampu teruskan pembangunan negara kita ini,” katanya.

Kepimpinan

Lagi pula kata Dr. Mahathir, generasi kepimpinan yang ada sekarang tidak akan kekal dan adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk mewariskan negara kepada generasi muda yang berwibawa.

“Kalau (pemimpin sekarang) tinggalkan sesuatu kepada mereka yang tak mampu pelihara maka kita tak bertanggungjawab.

“Sebagai manusia yang bertanggungjawab kita mesti tentukan generasi yang akan mewarisi negara kita adalah generasi yang lebih baik dari kita, generasi

terpelajar, berpengetahuan dan mampu bezakan baik dan buruk,” tegas beliau.

Pelajar universiti kata Perdana Menteri, juga perlu bersyukur dengan pencapaian mereka sekarang kerana tidak semua orang berpeluang berbuat demikian.

“Ya hari ini lebih ramai (masuk universiti), zaman saya tujuh orang sahaja dan saya bersyukur kerana saya antara satu dari tujuh orang itu.

“Tetapi sekarang berpuluh ribu dapat masuk (universiti), tetapi ingat ratusan ribu lagi tidak dapat masuk, oleh itu kita kena bersyukur,” katanya.

Untuk itu katanya, ketika di universiti mereka perlu memupuk nilai-nilai mulia yang boleh menjadikan mereka seorang manusia yang mampu tangani segala masalah kehidupan serta mempunyai tanggungjawab terhadap bangsa, agama dan negara.

“Kalau kita dapat keluarkan lulusan universiti yang bukan sahaja ada ijazah tetapi berpegang kepada nilai-nilai mulia, InsyaAllah negara kita akan terus maju kerana generasi ini akan bertanggungjawab kepada generasi akan datang,” ujar Dr. Mahathir.